

10 MAR 1997

Mandela-Pulang

PRESIDEN MANDELA PULANG SELEPAS LAWATAN LIMA HARI KE M'SIA

LANGKAWI, 10 Mac (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, hari ini berlepas pulang dari Langkawi, selepas lawatan rasmi lima hari ke Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan anak mereka Datin Paduka Marina Mahathir berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk mengucapkan selamat jalan kepada pemimpin itu.

Beliau berlepas pulang ke Pretoria dengan jet eksekutif Tentera Udara Afrika Selatan pada 10.30 pagi dan dijangka singgah di Mauritius dan Maldives.

Mandela tiba di pulau peranginan ini Sabtu lepas untuk berehat selama dua hari dalam rangka lawatan ke Malaysia.

Dalam rangka lawatannya ke Asia Tenggara, beliau mengetuai delegasi 30 pegawai kerajaan dan ahli perniagaan Afrika Selatan melawat Brunei, Filipina dan Singapura sebelum tiba di Kuala Lumpur pada Khamis lepas.

Semasa di Kuala Lumpur, tetamu negara itu menghadiri jamuan negara bersama Yang di-Pertuan Agong, melawat kilang Perusahaan Otomobil Nasional di Shah Alam dan mengadakan rundingan dengan Dr Mahathir.

Beliau turut menyampaikan ucap utama pada Forum Afrika Selatan-Malaysia di ibu negara.

Ketika di Langkawi, Mandela menghadiri jamuan malam yang diadakan oleh Perdana Menteri semalam selepas menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Pemuda Umno dan Liga Belia Kongres Kebangsaan Afrika.

-- BERNAMA

MFJ PR